

KEGANASAN RUMAH TANGGA : CORAK, PUNCA DAN KAEDAH PENYELESAIAN

Maizatul Akmam Binti Abu Bakar,¹ Hazalina Binti Mohd Haniff,² Latifenossadat Madanian,³ Faizah Binti Abd Ghani

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Skudai, Johor Darul Takzim

mai_3126@yahoo.com, ¹almandine_nn@yahoo.com, ²latifmadan@yahoo.com, ³faizah-ag@utm.my

ABSTRAK

Kertas ini membincangkan tentang faktor-faktor penderaan kanak-kanak seperti faktor anak, ibu bapa, pencetus, kemiskinan dan tekanan hidup serta penderaan seksual. Kertas ini juga turut membincangkan tentang faktor dan kategori penderaan dan keganasan terhadap isteri seperti penderaan emosi dan psikologi, fizikal, seksual, sosial dan kewangan. Faktor penyebab seperti pengambilan dadah dan alkohol, latar belakang keluarga, masalah sosial, panas baran dan cemburu juga dikenalpasti sebagai antara punca keganasan rumah tangga berlaku. Intervensi krisis juga turut dicadangkan untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga berdepan dengan masalah ini.

PENGENALAN

Penderaan merupakan satu aspek kekejaman dalam rumah tangga (Gelles dan Streinmetz, 1974). Kebiasaannya kekejaman ini berlaku satu hala dan dituruti oleh tindak balas yang lain. Penderaan juga dikatakan berlaku apabila seseorang individu telah menyalahgunakan atau menggunakan kuasa secara sewenang-wenangnya. Tindak balas yang akan timbul hasil daripada penderaan ke atas isteri dan anak-anak adalah tindakan secara fizikal seperti memukul, menampar, membaling dengan menggunakan sesuatu, menendang, menolak atau menggunakan senjata seperti pisau, kayu, senapang, botol atau menggunakan sesuatu dengan tujuan untuk mencederakan. Selain daripada itu, terdapat juga penderaan dalam bentuk lisan dan meninggalkan kesan yang mendalam seperti mencaci, mengeluarkan kata-kata yang kesat dan tidak sedap didengar, mengejek dan mencerca.

Gelles (1972) mendefinisikan penderaan sebagai suatu perlakuan untuk menyakiti individu lain secara fizikal. Manakala Lewinson (1989) menganggap penderaan sebagai keganasan yang dilakukan ke atas wanita atau kanak-kanak. Corak penderaan itu termasuk tampar, pukul, tumbuk, tolak, pukul dengan menggunakan objek lain yang bertujuan untuk mencederakan isteri atau kanak-kanak. Penderaan berkait rapat dengan keganasan rumah tangga (Mehrum, 1989). Ia melibatkan serangan hentaman, ancaman, gangguan, kezaliman fizikal atau mental, penderaan seksual atau apa-apa perbuatan curang.

Penderaan terhadap isteri menurut Halim (1989) melibatkan apa sahaja jenis kezaliman, keganasan, ketidakadilan atau kesalahan, sama ada fizikal mahu pun mental, yang dilakukan terhadap isteri. Manakala dalam Akta Keganasan Rumahtangga 1994, penderaan bermaksud:

- Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa melalui perbuatan yang akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- Memaksa mangsa dengan ancaman untuk melakukan kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukannya;
- Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaannya;
- Melakukan khianat atau keseronokan harta dengan niat untuk menyebabkan kesedihan atau kekusaran kepada mangsa.

PENDERAAN KANAK-KANAK

Penderaan kanak-kanak perlulah dilihat dari pelbagai aspek yang melibatkan faktor yang berbeza. Di antara faktor yang terlibat ialah faktor anak, ibubapa, kemiskinan, tekanan hidup dan sebagainya.

Faktor Anak

Kasmini (1997) menyatakan kanak-kanak yang dilahirkan tidak cukup bulan dan yang sering dipisahkan daripada penjagaan ibu dalam kes neonat lebih kerap menghadapi masalah kurang ikatan (*bond*) antara ibu dengan bapa. Dengan wujudnya masalah ikatan antara ibu dengan anak, maka ia boleh meninggalkan risiko penderaan kanak-kanak. Sekiranya wujud masalah ikatan antara ibu dengan anak, ditambah pula dengan perangai anak yang kurang memuaskannya hati ibu bapa dan anak itu pula dilahirkan dalam suasana keluarga yang mendorong kepada faktor penderaan, ini sudah tentu boleh menimbulkan masalah penderaan dan penganiayaan kanak-kanak.

Faktor lain yang boleh memburukkan keadaan ialah pandangan ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Ada ibu bapa yang menganggap anak mereka tidak normal atau berlainan daripada anak mereka yang lain. Ini mungkin disebabkan sesuatu yang kurang menyenangkan yang telah dialami oleh mereka sewaktu anak itu dalam kandungan lagi, ataupun disebabkan masalah yang timbul sewaktu anak itu dilahirkan sehingga akhirnya si anak itu dipersalahkan. Kepercayaan kepada perkara karut atau kepercayaan yang ada dalam budaya sesuatu kumpulan boleh menyebabkan ibu bapa menganggap anak yang telah dilahirkan itu seolah-olah membawa sial atau bala, lebih-lebih lagi sekiranya satu perkara buruk benar-benar menimpa mereka apabila anak itu dilahirkan, atau sekiranya anak itu dilahirkan dalam waktu dan hari yang dianggap tidak baik. Ada ibu bapa berasa bahawa anak mereka itu seolah-olah mengingatkan mereka akan seseorang lain dalam hidup mereka, yang sememangnya tidak mahu diingatkan lagi, lantas mereka memandang serong dan mengasuh anak mereka secara negatif.

Faktor Ibu Bapa

Kebanyakan ibu bapa yang mendera anak tidak ada gangguan psikiatri atau gangguan peribadi yang khusus atau klasikal. Pengalaman ibu bapa semasa zaman kanak-kanak mempengaruhi bagaimana mereka mendidik anak-anak. Kebanyakan ibu bapa yang pernah didera cenderung mendera anak-anak mereka. Ada dalam kalangan mereka dibesarkan dalam sebuah keluarga yang suka melemparkan kritikan dan cemuhan, di samping kurang memberikan sokongan emosi. Semasa kanak-kanak dan masih mentah perasaan mereka akan mudah terguris dan menyebabkan mereka sering memendam rasa dan merasakan hilang harga diri. Akibatnya mereka akan hilang kepercayaan terhadap orang lain. Ini akan mendorong mereka mencari pasangan hidup yang mempunyai latar belakang yang sama dengan dirinya. Ibu bapa yang seperti ini suka memencilkan diri dari masyarakat, tidak mempunyai ramai kawan dan sering tidak menggunakan kemudahan yang sedia ada untuk membimbing anak-anak mereka secara normal.

Ciri yang biasa terdapat dalam kalangan ibu bapa yang sering mendera anak ialah harapan ibu bapa yang terlalu tinggi, tidak munasabah atau realistik terhadap anak-anak. Walaupun ibu bapa tidak mempunyai perasaan harga diri yang tinggi tetapi mereka menyimpan harapan yang sebaliknya terhadap anak-anak mereka. Sebagai contoh ada ibu bapa yang mengharapkan anaknya dapat menyiapkan kerja rumah dalam jumlah tertentu untuk memastikan anaknya akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Jika anak tidak melakukan sesuatu mengikut kehendak ibu bapa, maka ibu bapa akan naik marah dan kecewa lalu memukul anak kerana tidak dapat mengawal kemarahan. Kurang faham dalam aspek tumbesaran dan perkembangan anak boleh menyebabkan timbulnya harapan yang tidak munasabah.

Konsep lain yang boleh menyebabkan penderaan kanak-kanak oleh ibu bapa ialah konsep peranan terbalik (*role reversal*). Dalam situasi yang normal, kanak-kanak amat

mengharapkan bimbingan dan penjagaan emosi serta fizikal daripada ibu bapa mereka. Sebaliknya ibu bapa yang mendera anak biasanya amat mengharapkan anak mereka dapat memenuhi keperluan emosi mereka dengan turut menunjukkan simpati terhadap mereka atau menyesuaikan perangai mereka supaya dapat menyenangkan perasaan ibu bapa. Ini adalah tidak munasabah kerana fitrah kanak-kanak sememangnya mereka masih nakal dan memerlukan bimbingan (Kasmini, 1997).

Faktor Pencetusan

Faktor pencetusan merupakan faktor yang menimbulkan penderaan dan penganiayaan. Ini berlaku dalam bentuk krisis. Krisis ini mungkin merupakan krisis kecil, seperti ibu bapa berasa hampa dan kecewa terutama apabila keadaan si anak tidak menyenangkan kerana selalu menangis dan menunjukkan berbagai-bagai tantrum atau ragam sehingga ibu bapa berasa tidak bertanggung lagi. Ibu bapa yang dalam keadaan ini biasanya hilang pertimbangan dan akan memukul anaknya. Keadaan ini berlaku secara spontan tanpa disedari atau di luar kawalan. Sekiranya ada ibu bapa yang merancang dari awal untuk menganiaya anak mereka, ibu bapa tersebut berkemungkinan mengalami gangguan psikiatri (Kasmini, 1997).

Faktor Kemiskinan dan Tekanan Hidup

Kasmini (1997) mengaitkan penderaan dengan golongan status ekonomi sosial rendah. Walaupun penderaan boleh berlaku dalam semua lapisan masyarakat, namun sebahagian besar golongan professional enggan membuat diagnosis penderaan dalam kalangan keluarga golongan status ekonomi sosial tinggi. Ada yang merahsiakan masalah ini, walaupun mereka sedar dan tahu penderaan dalam kalangan status ekonomi sosial tinggi juga berlaku.

Dalam kebanyakan kes penderaan yang dilaporkan dan dikesan, ibu bapa mangsa didapati menghadapi masalah tekanan hidup atau hidup dalam kemiskinan. Kes ini terutamanya berlaku di bandar-bandar besar kerana ibu bapa mangsa sering berhadapan dengan masalah kewangan, hidup tanpa sokongan orang lain dan berjauhan daripada keluarga yang lain. Selain itu, ibu bapa yang terlalu muda, atau yang menghadapi masalah dengan penagihan alkohol atau dadah, didapati sering juga mendera anak mereka kerana belum bersedia memikul tanggungjawab hidup berkeluarga. Anak bagi mereka adalah sesuatu yang membebankan.

Penderaan Seksual

Dalam masalah penderaan seks, faktor penyebabnya perlu dilihat dari sudut yang berlainan. Ini kerana penderaan seks dalam kalangan kanak-kanak biasanya dilakukan oleh orang dewasa terutamanya lelaki yang mengenali kanak-kanak itu. Dalam banyak kajian di luar negara dan data yang diperolehi dalam negara, sebanyak 75 peratus orang lelaki dewasa yang melakukan penderaan seksual ke atas kanak-kanak adalah dalam kalangan saudara mara kanak-kanak itu sendiri. Mereka yang dimaksudkan itu mungkin ayah, ayah tiri, datuk, bapa saudara, abang atau kekasih ibu ataupun jiran kepada kanak-kanak tersebut. Dalam keadaan ini sebab-sebab penderaan seks dalam kalangan keluarga kanak-kanak perlu dilihat dalam empat aspek prakeadaan.

Prakeadaan I

Kedudukan penjalinan emosi dalam keluarga yang luar biasa adalah satu daripada prakeadaan yang boleh menyebabkan penderaan seks kanak-kanak. Penjalinan emosi luar biasa yang dimaksudkan adalah sekiranya perhubungan antara ayah atau ayah tiri dengan anak perempuan didapati lebih rapat daripada perhubungan ayah atau ayah tiri dengan ibu kanak-kanak. Seterusnya dalam prakeadaan seumpama ini, ada pula kemungkinan wujudnya sekatan daripada luar atau dari dalam untuk memenuhi keperluan seks ayah atau ayah tiri sehingga menyebabkan lelaki dewasa itu merasa amat tertekan dengan masalah seksnya.

Prakeadaan II

Dalam prakeadaan II, lelaki dewasa yang terlibat dengan alkohol, penagihan dadah, mengalami gangguan psikiatri atau gangguan impuls, menghadapi masalah ketuaan, menghidap penyakit fizikal lain atau mempunyai masalah keupayaan diri, seringkali melakukan penderaan seks terhadap kanak-kanak.

Prakeadaan III

Prakeadaan III meninjau faktor yang mendorong perbuatan penderaan seks terhadap kanak-kanak oleh ahli keluarga lelaki mereka. Ini termasuk:

- Ibu yang sering sakit atau sering tiada di rumah.
- Ibu yang tidak rapat dengan anak.
- Ibu yang tidak melindungi anak.
- Ibu yang sering mendera secara kasar terhadap anak.
- Ibu yang tidak mahu tahu tentang anaknya.

Keadaan di atas memberi peluang kepada ahli keluarga lain untuk lebih mendampingi anak sehingga menyebabkan anak sendiri mengambil alih tugas dan peranan ibu.

Prakeadaan IV

Kanak-kanak yang kurang matang perkembangan emosinya atau menghadapi masalah terencat akal atau kecacatan fizikal, kurang pengetahuan tentang seks atau kanak-kanak itu sendiri berasa bertanggungjawab untuk memastikan ibu bapanya dapat duduk serumah bersama-sama sehingga sanggup diperkosa, merupakan faktor prakeadaan IV yang menjadi punca penderaan seks dalam kalangan kanak-kanak.

PENDERAAN TERHADAP WANITA**Kategori Keganasan Terhadap Wanita**

Keganasan terhadap wanita bukan sahaja tertakluk kepada penderaan fizikal, tetapi meliputi juga:

Penderaan Psikologi dan Emosi

Ugutan, penghinaan, menjatuhkan maruah wanita boleh meninggalkan kesan buruk sama seperti penderaan fizikal kerana ianya boleh membahayakan nilai harga diri dan perasaan wanita dan keupayaan beliau mengawal kehidupan sendiri

Penderaan Fizikal

Memukul, menumbuk, menampar, menggigit, menendang, melukakan, mematahkan tulang, membaling barang dan menggunakan senjata adalah contoh jelas penderaan seumpama ini. Menghalang keperluan manusia seperti makan, minum, tidur dan juga tempat perlindungan juga merupakan salah satu bentuk penderaan fizikal.

Penderaan Seksual

Memaksa melakukan atau melihat sesuatu bentuk seksual tanpa kemahuan wanita tersebut atau menyakiti wanita ketika melakukan hubungan seks.

Penderaan Sosial

Penderaan ini sering berlaku di dalam rumah di mana wanita sering didorong untuk bergantung kepada pasangan masing-masing dan diasingkan daripada mendapat sokongan luar

Penderaan Kewangan

Seseorang wanita yang dihalang daripada mencari pekerjaan atau yang tidak dibenarkan untuk membuka akaun bank atau menyimpan wang pendapatannya sendiri sebenarnya menghadapi penderaan dari aspek kewangan.

FAKTOR YANG MENYEBABKAN BERLAKUNYA PENDERAAN

Dadah dan Alkohol

Kajian yang dibuat oleh Leonard dan Blane (1992) terhadap 82 peratus daripada 70,000 pelajar sekolah menengah tinggi mendapati terdapat hubungan antara pengambilan alkohol dengan penderaan dalam rumah tangga. Individu yang mengambil alkohol dalam jumlah yang banyak mempunyai kecenderungan menjadi agresif dan secara tidak langsung mendera pasangannya. Kebanyakan wanita menyebut alkohol dan dadah sebagai faktor penyebab keganasan dalam keluarga. Gelles (1980) menyatakan faktor alkohol boleh menyebabkan individu melakukan sesuatu yang bukan merupakan tingkah lakunya yang sebenar.

Latar Belakang Keluarga

Latar belakang keluarga dan pengalaman semasa kecil turut mempengaruhi sikap seseorang individu. Keadaan yang sama juga berlaku ke atas suami yang sering menganiaya dan bertindak ganas ke atas isteri mereka. Mereka pernah mengalami atau menyaksikan keadaan tersebut (McMohan, 1961). Carlson (1977) menegaskan bahawa banyak kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa fenomena penganiayaan isteri dikaitkan dengan pendedahan awal terhadap kekejaman dalam keluarga.

Masalah Sosial

Allen dan Benton (1989) mendapati hasil daripada penyelidikan ke atas 100 orang suami (pendera), suami yang sering menganiaya isteri tidak suka bergaul dengan orang lain. Mereka berasa kurang senang dan tidak selesa apabila berada dalam kalangan sahabat handai yang lain. Mereka juga berhati-hati untuk memilih kawan rapat. Di samping itu, mereka juga mempunyai sifat tidak mempercayai orang lain dan selalu dianggap berseorangan (loner). Suami dalam kategori ini juga tidak suka dikawal oleh orang lain, terutamanya isteri. Mereka tidak suka orang lain membuat keputusan bagi pihak diri mereka dan orang lain tidak boleh menguasai diri mereka.

Panas Baran

Kajian yang dilakukan oleh Rashidah, Rita dan Schmitt (1995) seperti yang dilaporkan melalui Woman Aids Organisation mendapati salah satu sebab berlakunya penderaan adalah sikap suami yang tidak dapat mengawal rasa marah. Pendera tidak dapat mengawal emosi marahnya walaupun atas sebab-sebab yang kecil. Kajian yang dibuat oleh Hoffman, Demo dan Edward (1994) terhadap 2,017 suri rumah di Thailand mendapati faktor kecewa dan tekanan perasaan boleh menyebabkan berlaku penderaan isteri apabila suami hilang kawalan emosi.

Cemburu

Faktor cemburu dianggap sebagai penyebab berlakunya penderaan dalam keluarga. Kadangkala suami cemburuan isteri terutamanya apabila isteri bekerja. Gelles (1972) juga berpandangan yang sama. Lelaki yang bersifat cemburu sentiasa mengawal kehidupan pasangannya, tidak boleh melihat isteri yang berpakaian cantik terutama di hadapan orang lain. Mereka juga tidak suka isteri bercakap dengan lelaki lain yang memuji atau menggoda isteri mereka. Mereka akan marah dan akan bertindak di luar dugaan. Lelaki seperti ini selalu menyimpan prasangka dan tidak mempercayai isteri mereka sendiri. Ini menyebabkan timbul suasana tegang, krisis dan tekanan perasaan yang seterusnya menjadikan individu tersebut pemarah, bengis, kasar dan mungkin bertindak kejam terhadap pasangannya.

INTERVENSI KRISIS

Intervensi Krisis Tahap Pertama

- Fokus kepada situasi klien
- Dapatkan seberapa banyak fakta
- Beri ruang untuk luahkan perasaan
- Perhatikan keperluan klien (tempat perlindungan, anak)
- Kenal pasti kekuatan mangsa
- Senaraikan jenis-jenis pertolongan
- Membuat rumusan masalah semasa
- Membuat rujukan yang sesuai

Intervensi Krisis Tahap Kedua

- Membina kekuatan dan keyakinan diri, pengiktirafan terhadap tindakan
- Beri tumpuan masalah terhadap hubungan (keluarga, suami/isteri, tempat kerja)
- Tugas penyelesaian yang boleh dicapai
- Elak pergantungan diri
- Beri ruang untuk berfikir tentang tindakan dan keadaan semasa berbanding masa lalu

Intervensi Krisis Penamatan

- Mengimbuai kembali pencapaian dalam proses pertolongan
- Membuat rumusan pencapaian dan masalah yang telah dihadapi
- Memberi jaminan bersedia menerima dan bekerjasama sekiranya perlu
- Membincangkan cadangan meneruskan tindakan dalam kehidupan
- Memberi ruang dan memberitahu perhubungan ditamatkan
- Mengingatkan kekuatan dan kemampuan bertindak sendiri

KESIMPULAN

Sungguhpun penderaan ke atas isteri dan kanak-kanak telah lama wujud di negara ini, namun kebanyakan insiden deraan ini tidak dilaporkan. Keadaan ini berlaku oleh kerana mangsa tersebut tidak tahu bagaimana dan di mana untuk meminta bantuan. Mereka juga berasa takut untuk membuat laporan. Keadaan ini juga berleluasa kerana tidak ada undang-undang yang memuaskan bagi melindungi mangsa-mangsa penderaan dengan sewajarnya.

RUJUKAN

Aguilera, Donna C. (1990). *Crisis intervention, theory and methodology*. 6th Edition. USA. The C.V. Mosby Company.

Blumenfield. M.& Schoeps. M. (1993). *Psychological care of the burn and trauma patients*. Baltimore: Williams & Wilkins.

Briere. J. (1995). *Trauma Symptom Inventory*, USA: Psychological Assessment Resources Inc.

Droz, E. (2001). *Dealing with crisis and traumatic events*. University Counseling Center, Binghamton University.

Dr Lenore Walker. *Theories about abuse, the cycle theory of battering*. <http://www.cornet.nf.ca/web/transition/THEORY.html>.

Guss van der Veer.(1998). *Counselling and therapy with refugees and victims of trauma*. Psychological problems of victims of war, torture and repression. Second Edition. New York: John Wiley & Son.

Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2004). *Jenayah keganasan rumah tangga*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kennedy, E.. (1990). *Crisis counseling an essential guide for nonprofesional counselors*. New York: The Continuum Publishing Company.

Langstaff .D, & Christie.J. (2000). *Trauma care: A team approach*. Edited. Oxford Aukland: Butterworth Heinemen.

Mat Saat Baki. (2004). Senarai Semak Trauma, Manual Pengurusan Trauma.Tidak diterbitkan.

Webb, B.N. (2004). *Mass trauma and volence: Helping family and children cope*. Edited. New York: The Gulford Press.